



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 1, 2018

ISSN No. 2338-512X

Pengurusan di Rumah Pengasih Warga Prihatin Sungai Ramal Dalam, Kajang - Selangor

Nur Atikah binti Zolkepli, Razaleigh Muhamat@Kawangit

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mail: miss_ika23@yahoo.com; raza@ukm.edu.my

Abstrak – *Pengurusan rumah anak yatim merupakan pengurusan yang melibatkan proses sosial yang dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan, dan penglibatan ahli-ahli dalam sebuah organisasi. Pengurusan rumah anak yatim diberi perhatian dalam memastikan anak-anak yatim mendapat jagaan yang sewajarnya. Hal ini kerana terdapat diantara pusat penubuhan rumah anak yatim yang mengabaikan penjagaan secara tidak lansung memberi kesan yang buruk terhadap fizikal dan mental anak-anak yatim. Oleh yang demikian, Rumah Pengasih Warga Prihatin yang terletak di Sungai Ramal Dalam, Selangor, Kajang dijadikan sebagai limitasi bidang kajian berkenaan pengurusan rumah anak yatim. Objektif kajian ini untuk mengenalpasti pengurusan yang dilaksanakan di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Bagi mencapai objektif kajian, metodologi analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa tunjang kasih sayang serta terapan agama dapat memberi pemberian dan perubahan kepada anak-anak yatim kearah kecemerlangan dan keunggulan. Sistem hidup yang komprenensif iaitu Islam sebagai Ad-Din dilihat mampu diaplikasikan secara pragmatik dan berkesan dalam inspirasi kehidupan.*

Kata kunci: *Pengurusan, Anak Yatim, Islam, Rumah Pengasih, Sosial*

I. Pendahuluan

Pengurusan rumah anak yatim merupakan perancangan dan pergerakan sesuatu organisasi yang berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam dalam proses dan pengolahan sumber iaitu termasuk tenaga manusia. Sistem pengurusan organisasi boleh dianggap sebagai paling cekap dan berkesan sekiranya ia dapat diimplementasikan secara berstruktur dan dinamik. Proses pemantauan dalam organisasi mampu menentukan prestasi yang telah dicapai mengikut perancangan. Ia dapat mengatasi masalah serta mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengukuhkan lagi sesebuah organisasi. Oleh yang demikian sesebuah organisasi perlu wujud untuk merealisasikan pengurusan tersebut. Menurut Azmie, M. (2008) Organisasi sopan sentiasa mesra masyarakat dan tidak berwatak sompong, angkuh dan kedekut. Pelbagai bentuk organisasi yang ada sama ada pentadbiran, perniagaan serta pengendalian organisasi sosial seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mensasarkan golongan seperti kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), keluarga, orang papa dan mangsa bencana.

II. Pengurusan Anak Yatim

Agama Islam mengajarkan pemeluknya untuk saling menyayangi dan mengasihi terhadap sesamanya. Seseorang yang berjiwa pengasih dan penyayang dirinya akan dekat dengan Allah, Rasulullah dan semua orang di sekitarnya, Hamidi, M. (2012). Menurut Aziz, M. M. (2009) begitu indah Rasulullah Saw menggambarkan kemuliaan para penyantun anak yatim. Berbahagialah Anda yang telah atau tengah mencurahkan perhatian kepada "benih-benih" unggul penghias taman surga itu. Anak yatim dalam bahasa Inggeris disebut 'orphanage'. Mengikut istilah pula, anak yatim memberi

maksud kanak-kanak yang masih belum baligh dan kemudiannya kehilangan atau kematian salah satu dari ibu atau bapanya. Sedikit berbeza dengan yatim piatu yang bermaksud kanak-kanak yang masih belum baligh dan kemudiannya kehilangan atau kematian kedua-dua ibu dan bapanya.

Istilah Anak Yatim dari segi syariah ialah anak yatim bagi orang yang sudah dewasa dan kemudiannya kehilangan ibu bapa tidaklah digelar sebagai anak yatim lagi kerana mereka sudah pun mampu menyara dan menjaga diri sendiri. Ianya hanya sesuai digunakan untuk kanak-kanak sahaja kerana mereka tidak mampu menjaga dan menyara diri sendiri dan masih memerlukan pertolongan serta bantuan dari orang lain. Menurut Fath Al-Qarib dan Al-Baijuri, anak yatim ertinya kanak-kanak kecil (berumur rendah), yang tiada mempunyai bapa, sama ada kanak-kanak itu lelaki atau perempuan, sama ada ia mempunyai datuk atau tiada. Termasuklah kanak-kanak kecil anak dari sumbang mahram, anak pungutan dan anak yang dinafikan dengan sebab li ‘an antara suami isteri. Apabila ia sudah baligh maka tiadalah dinamakan dia yatim, dan baligh itu dengan cukup umur lima belas tahun qomariyyah.

Walaubagaimana pun masyarakat Melayu Malaysia mempunyai satu lagi istilah iaitu Yatim Piatu yang dimaksudkan sebagai mereka yang telah kehilangan kedua-dua ibu dan bapa, walaupun sebenarnya istilah ini tidak ada dalam syariat Islam. Anak yatim adalah anak yang kematian ibu bapa atau salah seorang daripadanya semasa ia kecil atau belum baligh, atau anak yang kematian bapanya sebelum ia menjangkau baligh. Islam mewasiatkan umat manusia supaya melakukan hubungan baik dengan anak yatim, memberi perlindungan dan pendidikan serta memberi hak-hak mereka. Ini kerana menurut As-Sayyid, B. (2014) hidup penuh berkah adalah dambaan setiap muslim. Dan, Rasulullah shallallahu alaihi wasallam menempatkan pengasuhan anak yatim sebagai saranan untuk meraih keberkahan itu.

Anak-anak yatim memiliki hak yang sama seperti anak-anak yang seusianya. Mereka adalah generasi masa depan yang perlu diberi perhatian. Apabila seseorang anak lahir ke dunia, ia sudah memiliki hak asasi iaitu hak memperoleh kasih sayang, kesihatan, pendidikan serta bimbingan moral dari kedua ibu bapanya. Firman Allah S.W.T:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ
الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ
لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالدَّهُ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودُ لَهُ
بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَ أَنْ فَصَالًا عَنْ تَرَاضِ
مِنْهُمَا وَتَشَاءُرْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْ ضِعْوَا
أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan seorang ayah kerana anaknya, dan waris pun berkewajipan demikian. Apabila keduanya ingin menyapuh (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusuhan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (Surah Al-Baqarah:233)

Keperluan seseorang anak bukan hanya terletak pada makan dan minum, tetapi haruslah disusuli dengan keperluan rohani dan jasmani agar dapat membesar dengan baik dari sudut fizikal dan mental. Dalam hal ini, penjaga anak-anak yatim bertanggungjawab dalam memastikan segala keperluan dapat disediakan sama seperti anak-anak yang lain. Pendidikan moral dan agama juga wajib diberi perhatian. Mereka harus diberitahu dengan perkara-perkara yang terjadi disekeliling mereka supaya seiring pemikiran diarus permodenan. Sekaligus mereka dapat memikirkan yang baik dan buruk dan tidak terjerumus ke lembah kerosakan.

Pengurusan dan pentadbiran harta anak-anak yatim amat perlu diberi perhatian yang serius kerana ia sepenting pentadbiran negara, dan semustahak perbendaharaan negara. Golongan anak yatim merupakan amanah yang amat besar, tetapi bukan sebagai beban berat yang harus disambut dengan rungutan. Sesukar mana pun keadaan itu, ia tanggungjawab dan amanah untuk orang-orang dewasa yang berada di sekeliling mereka, dan juga pihak-pihak berkuasa. Ada anak-anak yatim yang ditinggalkan ibu bapa yang meninggal dunia tanpa sebarang harta. Sebahagiannya ditinggalkan bersama-sama harta pusaka. Sebahagian keadaan pula menerima bantuan dan pemberian daripada ahli-ahli

masyarakat yang bersimpati dengan kemalangan yang menimpa keluarga mereka. Dalam keadaan ini, wang atau harta yang mereka miliki itu juga merupakan amanah yang sangat besar bagi waris yang menjadi pemegang amanah.

III. Rumah Pengasih Warga Prihatin

Pertubuhan Kebajikan Rumah Pengasih Warga Prihatin (2012) secara rasminya telah didaftarkan pada tahun 2012 namun RPWP telah beroperasi semenjak tahun 2005 lagi. Ia ditubuhkan berbatu asaskan kasih sayang sesama manusia. Dalam dunia yang penuh kerosakan akhlak, masyarakat dunia berpecah dengan amalan menfitnah, keganasan, demonstrasi dan berbunuhan di mana kasih sayang sudah tidak lagi menjadi bahasa dunia justeru idea rumah ini dicetuskan. RPWP diasaskan oleh Dr. Hj. Masjuki bin Hj. Mohd Musuri bersama sekumpulan 20 keluarga Warga Prihatin yang pada asalnya berkerabat dalam Pertubuhan Kebajikan & Dakwah Islamiah Malaysia dan PEMADAM. Masing-masing berkongsi misi dan visi untuk merealisasikan usaha amal bagi kebaikan diri sendiri, keluarga dan masyarakat dengan lebih jelas dan teratur. Mereka ini terdiri dari pelbagai golongan daripada profesional hingga ke golongan fakir, miskin dan asraf yang menjalani hidup berkeluarga di bawah naungan RPWP itu sendiri.

Rumah ini menempatkan keluarga asraf dari kalangan pengasas dan sukarelawan sepenuh masa yang bertugas menjaga pelbagai golongan seperti anak yatim, OKU, ibu tunggal, warga emas, asraf, fakir dan pelbagai golongan rosak akhlak. Kesemua mereka disatukan di bawah satu bumbung menjadi sebuah keluarga besar. RPWP menjalankan operasi tanpa meminta derma secara paksa sejak dari hari pertama hingga kini. Mereka mengamalkan konsep mandiri dalam pendanaan iaitu melalui sumbangan semua pengasas yang ada pendapatan untuk setiap bulan. Setelah kapasiti dan keperluan bertambah, lalu RPWP memulakan perniagaan kecil-kecilan untuk menampung keperluan pendanaan kompleks ini.

Sebagai langkah awal, Dr. Masjuki, selaku bekas usahawan dan isterinya, Puan Shakirah, seorang bekas guru telah mewakafkan diri untuk menjadi petugas sukarela sepenuh masa. Beliau juga turut mewakafkan seluruh wang simpanan dan harta keluarganya termasuk dua buah mini market serta tanah seluas suku ekar dan 3 buah rumah di atasnya termasuk banglo kediaman peribadi beliau. 3 buah rumah ini kemudiannya digabung dan dibangunkan menjadi tiga tingkat. Visi beliau disambut oleh 20 orang sahabat yang lain. Separuh dari mereka yang masih berpendapatan menginfaqkan 10% pendapatan bulanan mereka untuk belanja pengurusan. Bilamana ada keperluan mendesak, sebahagian mereka juga turut mewakaf dan mengorbankan harta atau wang simpanan masing-masing. Manakala separuh lagi pula berkorban diri, menjadi asraf bersama pengasas kami untuk menjadi sukarelawan sepenuh masa. Mereka ini menjadi asraf stabil yang walaupun tidak menyumbang dana namun mereka menyumbang melalui penjimatan belanja kerana semuanya berkerja tanpa gaji. Mereka ini bertanggungjawab menguruskan kebajikan anak-anak jagaan sepanjang hari. Mereka jugalah yang setiap hari bekerja membina rumah secara berdikit-dikit dan melakukan perniagaan kecil-kecilan untuk menambah tabungan RPWP.

Dalam menjaga air muka anak-anak yatim dan asraf, RPWP tidak pernah mengeksplotasi mereka untuk mengutip derma dari masyarakat. Azam RPWP ialah melakukan yang terbaik dengan kemampuan sendiri kerana Allah. Setelah hasil usaha kebajikan itu dapat dilihat kejayaannya, terutama apabila akhlak anak-anak didik RPWP telah menyerlah di sana sini, ramai pula yang ingin tampil membantu. Mereka berharap untuk turut dapat mengumpul pahala bahkan ingin menitipkan anak-anak mereka untuk turut dibina oleh RPWP. Untuk itu RPWP tidak boleh menghalang sumbangan dari orang ramai yang berhasrat untuk turut beramal sedekah melalui wadah yang telah RPWP sediakan. Amalan konsep puasa secara hakikat di RPWP banyak membantu dalam proses optimisasi perbelanjaan. Antaranya ialah dengan hanya membelanjakan perkara yang benar-benar perlu sahaja, menggunakan barang terpakai atau terbuang dan sentiasa mengelakkan pembaziran pada segenap segi. Contohnya, yang dahulu merokok atau kerap makan di hotel, melancang bercuti ke luar negeri dan pelbagai gaya bermewah telah mengalihkan bajet itu kepada tabung amal RPWP.

Tanpa melihat sendiri sewaktu pembinaannya, sukar untuk mempercayai bahawa rumah sebesar itu dibina dari kayu dan bahan terbuang yang bengkok dan tidak elok, dari sambungan besi-besi sependek 4 inci dan kayu dari bangku sekolah lama yang terbuang. Namun dengan konsep kesabaran dan apitan ia dapat dibangunkan secantik dan sekukuh rumah-rumah lain. Falsafah yang sama, iaitu apit mengapit, sokong menyokong juga digunakan RPWP untuk memperbaiki akhlak mereka yang telah rosak dari kalangan anggota masyarakat yang terbuang.

IV. Pengurusan Anak Yatim di Rumah Pengasih Warga Prihatin.

Selain menyediakan tempat perlindungan dan pendidikan anak-anak yatim, Rumah Pengasih Warga Prihatin mempunyai keistimewaan tersendiri yang membezakan RPWP dengan rumah anak yatim yang lain. Antara keistimewaan RPWP Dana pembangunan dan penubuhan RPWP merupakan keseluruhan harta pengasas yang mewakafkan 2 buah minimarket, tanah seluas suku ekar dan 3 buah rumah termasuk banglo kediaman mereka yang dijadikan kediaman anak-anak yatim. Selain menyediakan tempat perlindungan dan pendidikan anak-anak yatim, RPWP menyediakan tempat perlindungan untuk warga emas. Orang kurang upaya (OKU) dan fakir miskin. RPWP juga

merupakan sebuah Unit PEMADAM yang giat melaksanakan usaha pemulihian akhlak dan penagihan dadah untuk anak-anak bermasalah. Menurut Jaafar, J. L. (2008), kadang – kadang terdapat individu yang sering terganggu perkembangan fizikalnya semasa kecil tetapi membesar menjadi orang dewasa yang sihat.

Pelbagai masalah yang dilalui oleh semua pihak, termasuk apa yang berlaku dalam masyarakat setempat dan dunia dikumpulkan dan dijadikan bahan kajian bersama secara istiqomah untuk mencari kaedah penyelesaian yang terbaik. Pengalaman dalam mengkaji dan menyelesaikan pelbagai masalah anak-anak dan hubungan suami isteri turut dirujuk oleh ramai keluarga bermasalah yang sedang hidup berpecah-belah. Kini, RPWP telah menjadi tempat merujuk yang komprehensif untuk segala macam permasalahan masyarakat dan organisasi, khasnya masalah keluarga dan peranan keibubapaan. Usaha berterusan untuk pembinaan sahsiah, jatidiri dan akademik anak-anak dilakukan RPWP dengan bersungguh-sungguh sebagai persiapan mengharungi kehidupan di dunia yang penuh dengan cabaran kerosakan akhlak ini. Dalam mengajak anak-anak melakukan segala ibadah ritual seperti puasa (termasuk puasa sunat Isnin/Khamis), solat berjemaah di masjid, bertahlil, membaca yassin, mengaji, berselawat dan marhaban, mengurus jenazah dan lain-lain, mereka turut dijelaskan dengan falsafah di sebalik segala amalan ritual itu untuk dipraktikkan secara aktual dalam kehidupan harian.

Setiap warga RPWP diwajibkan membaca terjemahan Al-quran sekurang-kurangnya 3 kali khatam. Ini memudahkan kefahaman dan penerimaan mereka menerima nasihat yang berteraskan Al-quran dan Sunnah, setiap anggota masyarakat yang datang mencari jalan penyelesaian masalah juga dinasihatkan untuk membaca terjemahan Al-Quran secara istiqomah sekurang-kurangnya 3 kali ulangan bacaan. RPWP menggunakan pendekatan pembinaan akhlak dan sahsiah secara pengaruh berjemaah, menggunakan kaedah sibghatullah. Iaitu tekanan pemberian melalui konsep ‘power of the pack’. Prinsip operasi RPWP yang utama adalah untuk mendidik anak-anak asraf dan yatim ini dengan penekanan tentang akhlak. RPWP telah buktikan bahawa pendidikan akhlak ini menyebabkan anak-anak RPWP juga secara automatik tidak ketinggalan dalam akademik, kerjaya dan sumbangan mereka terhadap kesejahteraan masyarakat dan Negara. Melihat kepada kebejatan akhlak yang berlaku dari kalangan anak-anak yatim dan asraf yang terbiasa membuatkan RPWP terpanggil untuk mengatasi masalah itu semua dengan atas perlaksanaan RPWP berpandukan Al-quran dan Sunnah. Salah satu sifat murni dalam Islam ialah merahmatkan alam. RPWP mengambil itu menjadi misi utama iaitu apa saja yang diusahakan harus mampu dinikmati hasilnya oleh seluruh isi alam, bukan untuk kepentingan warga sendiri sahaja. Hasil penjimatan belanja, hasil perniagaan atau sedekah, akan digunakan untuk membantu ramai lagi golongan yang kurang berasib baik atau yang ditimpakan bencana. RPWP sering bawa anak-anak keluar dan melihat bagaimana menjadi insan prihatin terhadap masyarakat. Mereka turut bergotong-royong membaiki rumah-rumah warga yang tidak berupaya, dididik untuk tidak kikir dalam membantu golongan yang memerlukan walaupun mereka sendiri adalah fakir di sisi Allah.

V. Cabaran Pengurusan Rumah Anak Yatim

5. 1. Pendidikan

Permulaan cabaran bermula dengan menampilkan satu skop pengurusan kebijakan anak yatim yang benar-benar komprehensif sesuai dengan keperluan zaman dan keperluan pembangunan Islam itu sendiri yang bersifat menyeluruh. Setiap individu yang terlibat dalam pengurusan anak yatim haruslah sentiasa memperbaharui niat dan keazaman bahawa tugas yang mereka pikul adalah mulia dan direhdai Allah s.w.t. Menurut Al-Habsyi S.O (1989) sistem dan ilmu yang terus menerus yang diambil dan diolah dari blok Barat dan Timur tidak banyak menyelesaikan masalah. Inilah peluang Islam untuk mengetengahkan mpenyelesaiannya. Pengurusan merupakan satu cabang keilmuan yang boleh diguna pakai dalam aspek pembangunan modal insan dan pentadbiran organisasi, Kawangit, R. M. (2010)

5. 2. Kewangan.

Menurut Omar, A. C. (2003), Ilmu pengurusan Islam yang lebih bertunjangkan paradigma tauhid, iaitu mempunyai beberapa prinsip asas yang utama iaitu amanah, syura dan adil. Bagi memastikan pengurusan kewangan rumah anak yatim adalah telus dan adil tanpa pecah amanah terhadap wang yang disumbangkan,pemilihan orang yang benar-benar amanah amat penting bagi mengelakkan masyarakat di luar berasa ragu-ragu untuk menghulurkan sumbangan jika kewangannya diuruskan oleh individu yang tidak memiliki sifat amanah. Hal ini perlu diambil berat agar pengurusan yang memerlukan dana seperti makanan, minuman, pendidikan dan tempat tinggal anak-anak yatim terbela dan tidak memjadikan mereka sebagai pekerja peminta dana dan sumbangan. Menurut Chomaria, N. (2014) ‘kesalahan berjamaah’ para penyantun anak yatim tanpa sengaja mereka telah menggiring anak-anak yatim menjadi ‘peminta’ yang mempunyai efek buruk bagi perkembangan jiwa anak-anak tersebut. Teknik dan cara pendekatan terhadap anak yatim juga harus sentiasa dipelbagaikan agar menarik minat anak-anak yatim untuk mudah didekati sekaligus lebih mudah dijaga dan dididik.

5. 3. Sosial

Kawangit, R. M. (2013), pengurusan hal ehwal islam mestilah memenuhi keperluan kerohanian dan psikologi individu dalam masyarakat. Keperluan ini merangkumi keperluan fizikal seperti kemudahan setempat, dan juga keperluan

pemikiran seperti keamanan suasana dan lain-lain lagi. Tumpuan terhadap pengajaran agama haruslah seiring dengan peredaran masa bagi menangani isu sosial dikalangan remaja anak-anak yatim. Oleh kerana remaja golongan masa kini cenderung kepada hiburan dan keseronokkan, pihak pengurusan perlu mengemukakan alternatif bagi remaja mendapat hiburan yang tidak bercanggah dengan Islam seperti nasyid, teater, sukan dan sebagainya. Pihak pengurusan juga perlu memperkenal dan menonjolkan rumah anak yatim kepada masyarakat bagi memudahkan penerimaan dan sambutan masyarakat terhadap akitiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara saluran yang terbaik adalah melaui media massa seperti televisyen, majalah, akhbar dan internet.

VI. Kesimpulan

Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) ditubuhkan dengan berbatu asaskan kasih sayang sesama manusia. Dalam dunia yang penuh kerosakan apabila kasih sayang sudah tidak lagi menjadi bahasa dunia justeru idea rumah ini dicetuskan. BerkONSEPAN sahabat yang sering bepesan-pesan kepada kebaikan, menegur sahabat lain dengan ikhlas, memuji bila perlu dipuji, menegur bila perlu menegur, menunjuk ajar, berkongsi ilmu di mana perlu, menjadikan hati 20 keluarga pengasih rumah ini disatukan dalam satu hala tuju yang sama. Islah mengikut polisi Al-Quran dan Sunnah yang berlaku pada keluarga ini digunakan sebagai tunjang kekuatan untuk memelihara dan membina sahsiah anak-anak Yatim dan asnaf lainnya di RPWP secara istiqomah dan bertali arus. Secara konsepnya, inilah satu keluarga besar Warga Prhatin yang ingin diwujudkan supaya ibu dan bapa kembali kepada fitrah asalnya dan tidak leka dengan fungsi diri supaya anak-anak tidak lagi tandus jatidiri. Di atas konsep yang sama juga, pembinaan sahsiah berlapis generasi dilakukan supaya anak pewaris bangsa dan negara tidak dirosakkan kerana lupanya mereka akan fungsi hidup mereka. Di sini, sifat kasih dan prihatin menjadi mekanisma tulang belakang rumah ini dan insyaAllah juga mampu menjadi uswah kepada masyarakat dan dunia amnya. Semoga mampu memberi sedikit gambaran dan suntikan motivasi kepada masyarakat dan dunia.

Rujukan

1. Al-Habshi, S. O. (1989). *Islam Ekonomi Dan Pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbitan Hizbi.
2. Al-Mahfani, M. K. (2009). *Islam Ekonomi Dan Pengurusan*. Indonesia: Wahyu Media.
3. As-Sayyid, B. (2014). *Berkah Mengasuh Anak Yatim*. Indonesia: Nabawi Publishing.
4. Aziz, M. M. (2009). *1001 Berkah Anak Yatim*. Indonesia: Hikmah.
5. Azmie, M. (2006). *Sepakat Daripada Perspektif Pengurusan Organisasi*. Malaysia: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
6. Azmie, M. (2008). *Sopan Daripada Perspektif Pengurusan Organisasi*. Malaysia: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd .
7. Chomaria, N. (2014). *Cara Kita Mencintai Anak Yatim*. Indonesia: Penerbitan Aqwam.
8. Hamidi, M. (2012). *Dasyatnya Menyantuni Anak Yatim Dan Fakir Miskin* . Indonesia: Tugu .
9. Jaafar, J. L. (2008). *Pengenalan Kepada Psikoogi Kanak-Kanak Dan Remaja*. Malaysia: Arah Pendidikan Sdn Bhd.
10. Kawangit, R. M. (2010). *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan,Fakulti Pengajian Islam (UKM).
11. Kawangit, R. M. (2011). *Pengurusan Modal Insan Dari Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
12. Kawangit, R. M. (2013). *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam: Teori Dan Amalan*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (UKM).
13. Maksom, M. S. (2012). *Masuk Surga Berkat Doa Anak Yatim*. Indonesia: Penerbitan Safirah.
14. Nur, M. (2014). *Keajaiban Menyantuni Anak Yatim*. Indonesia: Penerbitan Zahira.
15. Omar, A. C. (2003). *Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
16. Omar, W. L. (1996). *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
17. Rahmat, J. (2017). *Bahagia Dalam Tiada:Hidup Bersama Anak-Anak Yatim*. Indonesia: Gramedia Pustaka Utama.
18. Saqar, F. A.-S. (2005). *Ensiklopedia Keluarga Muslim: Pendidikan Anak Dalam Islam*. Malaysia: Jasmine Enterprise.
19. Sulaiman, S. T. (1997). *Pengurusan Islam Dan Pembangunan Manusia..* Malaysia: Thinker's Library